

22/03/1997

Presiden Jerman lawat Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Jerman, Prof Roman Herzog akan melakukan lawatan lima hari ke Malaysia mulai 1 April atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Kenyataan Wisma Putra menyebut beliau akan diiringi isterinya, Christiane dan satu delegasi pegawai kanan kerajaan serta ahli perniagaan.

Sewaktu di sini, Herzog akan mengunjungi Tuanku Ja'afar dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -  
Bernama

(END)